

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BULAN DISEMBER 2022
PTJ: BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK

BIL	PIAGAM PELANGGAN	STATUS PENCAPAIAN DIS		JUSTIFIKASI
		BILANGAN	PERATUS	
1	Memaparkan maklumat pendaftaran dan jadual waktu kuliah dalam laman web Bahagian Akademik/ SMP – Menu Portal Pelajar MyJadual pada minggu ke-11 semester sebelumnya.	Tiada	100%	Maklumat jadual waktu kuliah dan amali semester berikutnya dimuat naik dalam laman web Bahagian Akademik/ SMP – Menu Portal Pelajar MyJadual pada 7 Jun 2022 (Selasa) iaitu pada minggu ke-11 semester semasa (2021/2022-2).
2	Memaparkan maklumat jadual waktu peperiksaan dalam laman web Bahagian Akademik/ SMP – Menu Portal Pelajar MyJadual pada minggu ke-11 semester semasa.	Tiada	100%	Maklumat jadual waktu peperiksaan dimuat naik dalam laman web Bahagian Akademik/ SMP – Menu Portal Pelajar MyJadual pada 7 Jun 2022 (Selasa) iaitu pada minggu ke-11 semester semasa (2021/2022-2).
3	Mengeluarkan keputusan peperiksaan akhir semester dalam SMP selewat-lewatnya satu (1) hari selepas disahkan oleh Senat UPM.	Tiada	100%	Keputusan peperiksaan akhir Semester Kedua Sesi 2021/2022 telah diumumkan pada 9 September 2022, satu (1) hari selepas disahkan oleh Mesyuarat Senat ke-708 pada 8 September 2022.
4	Memaparkan Notis Majlis Konvokesyen dalam laman web, dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh konvokesyen.	Tiada	100%	Notis Majlis Konvokesyen Ke- 46 (Sidang 2) UPM Serdang yang diadakan pada 26 November hingga 2 Disember 2022 telah dipaparkan dalam laman web rasmi Bahagian Akademik (dan juga dalam telegram) bermula pada 28 Oktober 2022.
5	Memastikan kelulusan ke atas permohonan pemindahan kredit dibuat oleh fakulti selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu ke-7 semester pengajian.	208	98%	Sebanyak 208 permohonan telah diterima bagi semester 2020/2021-2 dan maklumat kelulusan adalah seperti berikut: 4 permohonan belum diproses 204 permohonan telah diproses
6	Mengeluarkan surat kelulusan pertukaran program selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu pertama semester pengajian.	10	100%	Surat kelulusan pertukaran program dikeluarkan selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu pertama semester pengajian (27 Mac 2022). (24 permohonan dan 10 diluluskan).
7	Mengumumkan keputusan semakan gagal dan diberhentikan (GB) selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan Mac bagi semester pertama dan selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan September bagi semester kedua (Program Bachelo Sepenuh Masa)	2 permohonan	100%	Keputusan semakan Gagal dan Diberhentikan (GB) bagi Semester 1 Sesi 2021/2022 telah diumumkan kepada pelajar melalui SMP pada 15 April 2022 setelah disahkan oleh Senat ke-703 pada 14 April 2022 .
8	Mengeluarkan surat tawaran kemasukan pelajar antarabangsa dalam tempoh enam (6) minggu selepas permohonan lengkap diterima bagi program tanpa temuduga.	456	100%	Sebanyak 456 surat tawaran telah dikeluarkan bagi semester pertama 2022/2023. Pecahan surat tawaran adalah seperti berikut: 175 surat tawaran penuh 281 surat tawaran provisional (tertakluk kepada syarat keperluan Bahasa Inggeris)